

RAJA-RAJA DARI MINANGKABAU DATANG MENJADI RAJA DI NEGERI SEMBILAN

Pada akhir Kurun Masihi yang ketujuh belas, orang di Sungai Ujong, Johol, Naning dan Jelebu telah bersama-sama menjemput seorang raja dari Minangkabau hendak dijadikan raja pemerintah di Negeri Sembilan (pada masa itu negeri itu belum dinamakan Negeri Sembilan). Seorang raja dari Minangkabau bernama Raja Kasah telah datang ke Negeri Sembilan lalu dijadikan raja. Tetapi Raja Kasah akhirnya terhalau balik ke Minangkabau kerana ia tidak berjaya mengatur dan memajukan Adat Perpatih (Adat Minangkabau) di Negeri Sembilan seperti yang dikehendaki oleh Datuk yang menjemputnya itu. Setelah Raja Kasah balik ke Minangkabau, seorang raja lain bernama Raja Adil dari Minangkabau juga telah datang ke Negeri Sembilan dan dijadikan raja. Tetapi akhirnya Raja Adil ini pun dihalau juga dari Negeri Sembilan seperti Raja Kasah tadi.

Pada tahun 1770, empat orang Datuk Undang di Negeri Sembilan iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau telah bersetuju menghantar utusan kepada Raja Pagar Ruyung di Minangkabau memohon seorang anak raja di Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan. Angkatan perutusan dari Datuk Undang itu diketuai oleh dua orang yang bernama Panglima Bandan dan Panglima Bandut. Sebelum angkatan itu pergi ke Pagar Ruyung, terlebih dahulu Panglima Bandan dan Panglima Bandut mengadap untuk memohon izin Sultan Johor dan Sultan Johor telah mengizinkan mereka pergi ke Pagar Ruyung.

Utusan itu telah sampai di Pagar Ruyung lalu mengadap Raja Minangkabau yang bernama Sultan Muning Shah III dan menyata-

kan maksud kedatangan mereka itu. Raja Pagar Ruyung telah bersetuju dan baginda mengutus seorang Orang Besar di Minangkabau bernama Raja Khatib pergi terlebih dahulu ke Negeri Sembilan untuk membuat persediaan bagi menerima kedatangan seorang anak raja Minangkabau bernama Raja Melewar yang akan dirajakan di Negeri Sembilan.